

UPM juara KIK peringkat IPTA

KUALA LUMPUR 17 Feb. - Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul johan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-5 bagi kategori Pengurusan.

Universiti itu diwakili oleh kumpulan Smart REG-O dari Pejabat Pendaftar dalam pertandingan yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Kumpulan itu menampilkan projek bertajuk *Memantapkan Pengurusan Pelaporan Pelan Integriti Nasional, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan Pasukan Petugas bagi Mengurangkan Kerenah Birokrasi (PPMKB) Tidak Teratur.*

Tambahnya, hasil inovasi projek tersebut, Sistem Pelaporan Integrasi UPM (SPIN) secara dalam talian telah dibuat dan mendapat pengiktirafan di peringkat IPTA.

Pendaftar UPM, Wan Azman Wan Omar berkata, kemenangan yang diperoleh itu adalah hasil usaha gigih setiap ahli kumpulan yang membuat persiapan secara menyeluruh dan terperinci.

"Bukan semua KIK boleh menterjemahkan inovasi dalam bentuk dokumentasi," katanya.

Dalam pertandingan itu, sebanyak 10 buah IPTA yang mengambil bahagian.